

# **HSBC Amanah Malaysia Berhad**

## **(“HSBC Amanah”)**

## **Terma-terma & Syarat-syarat Khusus**

## **Untuk Perbankan Komersil**

(Edisi Oktober 2015)

### **Tarikh berkuatkuasa:**

- ▶ 01 Oktober 2015 bagi semua pelanggan baru dan sedia ada HSBC Amanah

Terma-terma & Syarat-syarat Khusus ini adalah terpakai kepada akaun-akaun dan perkhidmatan-perkhidmatan Perbankan Komersil (selain daripada Kad-kad Korporat) yang dibuka dengan atau diperuntukkan oleh HSBC Amanah dan hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Generik. Sila luangkan masa untuk membaca mereka kerana mereka adalah terikat ke atas anda.

Terma-terma & Syarat-syarat Khusus dan Generik ini adalah sedia ada atas permintaan dan boleh didapati di laman web HSBC Amanah di [www.hsbcamanah.com.my](http://www.hsbcamanah.com.my) (Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik ini telah dimuat naik pada 01 Oktober 2015).

Sila hubungi cawangan HSBC Amanah yang terdekat kepada anda jika anda memerlukan apa-apa penjelasan.

Terima kasih kerana berbankan dengan HSBC Amanah.

**Penyelesaian Kewangan Islam**



# **Terma-Terma & Syarat-Syarat Khusus Untuk Perbankan Komersil**

Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

## **AKAUN-AKAUN**

### **1. AKAUN-i BUSINESSVANTAGE / SEMASA-i**

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Shariah bagi Wadiah (*penyimpanan*).

- a. Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk menggunakan mana-mana bahagian daripada deposit dalam akaun tersebut untuk tujuan pelaburan.
- b. Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan tidak pernah dilaporkan oleh mana-mana bank kepada mana-mana biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, dan mengakui bahawa Bank mempunyai hak untuk menutup akaun jika Pelanggan telah dilaporkan sedemikian.
- c. Pelanggan bersetuju untuk menyemak, bahawa:
  - Pelanggan telah menerima jumlah buku cek yang betul;
  - setiap buku cek mempunyai jumlah mukasurat cek yang betul;
  - butir-butir akaun yang dicetak adalah betul; dan
  - akan membaca dan menjalankan semua arahan yang dicetak di sebelah dalam kulit buku cek tersebut;dan jika Pelanggan gagal untuk melakukan mana-mana perkara tersebut, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- d. Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab berikut:
  - memastikan buku cek disimpan dengan selamat dan adalah di bawah kawalan mutlaknya pada semua masa, dan jika Pelanggan gagal berbuat demikian, Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan; dan
  - tidak menulis cek-cek dalam cara yang boleh membenarkan cek tersebut diubah dengan atau memudahkan frod, dan untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga seperti:
    - hanya menggunakan dakwat yang tidak boleh dipadamkan (bukan pen mata bulat, pensil, mesin taip elektronik atau apa-apa instrumen lain yang boleh dipadamkan);
    - tidak meninggalkan cek-cek yang telah ditandatangani atau belum ditandatangani tanpa jagaan;
    - tidak menandatangani cek-cek kosong; dan
    - memusnahkan cek-cek yang rosak dengan sepenuhnya;
- e. Pelanggan bersetuju untuk tidak:
  - menulis apa-apa notasi pada muka depan cek, dan jika apa-apa notasi adalah tertulis, Bank mempunyai hak untuk mengabaikan notasi tersebut tanpa bertanggungjawab kepada Pelanggan;
  - tidak membuat apa-apa perubahan pada cek, dan Bank mempunyai hak untuk tidak menunaikan dan mengembalikan cek tersebut jika Bank berpendapat bahawa terdapatnya perubahan, walaupun perubahan tersebut disahkan dengan tandatangan penandatangan yang diberikuasa; dan
  - tidak mengisu cek-cek di mana tiada dana yang mencukupi di dalam akaun, jika tidak caj penalti untuk cek yang dikembalikan disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.
- f. Pelanggan mengakui bahawa satu arahan memberhentikan pembayaran hanya boleh dilakukan jika cek tersebut belum lagi dikemukakan untuk pembayaran, dan jika telah dilakukan, tidak boleh dibatalkan dan:
  - perkataan “*stop payment*” akan diletakkan pada cek tersebut;
  - pengemukaan semula cek tersebut tidak akan dibenarkan; dan
  - fi-fi pengendalian dan caj-caj penalti (jika akaun tidak mempunyai dana-dana yang mencukupi untuk cek tersebut) akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.
- g. Layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

## 2. DEPOSIT BERTEMPOH-i

*[Deposit Bertempoh-i: Layak dilindungi oleh PIDM]*

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Shariah bagi Komoditi Murabahah (*perdagangan komoditi*)

- a. Satu deposit aman minima dalam Ringgit atau matawang asing sepetimana yang akan ditentukan oleh Bank.
- b. Tempoh masa perletakan adalah tertakluk kepada minima 1 bulan dan maksima 60 bulan. Perletakan melalui cek adalah bergantung kepada penunaian cek.
- c. Transaksi Komoditi Murabahah  
Pelanggan akan memasuki transaksi-transaksi belian dan jualan untuk komoditi yang mematuhi Shariah ("Transaksi Komoditi Murabahah") untuk meletakkan deposit tersebut.
- d. Pelanggan bersetuju bahawa Bank hanya akan bertindak sebagai agen Pelanggan untuk Transaksi Komoditi Murabahah tersebut.
- e. Bank sebagai agen Pelanggan akan dengan suci hati, melakukan transaksi-transaksi untuk:
  - membeli komoditi tersebut atas dasar tunai ("Transaksi Belian"); dan
  - menjual komoditi tersebut atas dasar bayaran tertangguh kepada Bank ("Transaksi Jualan") pada Harga Jualan Murabahah (deposit ditambah keuntungan) di mana keuntungan dikira seperti berikut:  
$$\text{Keuntungan} = \text{Deposit} \times \text{Kadar} \times \text{Jumlah hari} / 365 \text{ atau } 366 \text{ hari}$$
- f. Transaksi Pembelian akan dilaksanakan:
  - pada hari yang sama untuk deposit yang dibuat antara 9:30 pagi sehingga 4:00 petang pada Hari Perdagangan; dan
  - pada Hari Perdagangan berikutnya untuk deposit selepas 4:00 petang pada Hari Perdagangan atau pada bukan Hari Perdagangan.
- g. "**Hari Perdagangan**" merujuk kepada sehari selain daripada Sabtu dan Ahad dan di mana Bursa Suq Al-Sila terbuka untuk perdagangan.
- h. Deposit adalah efektif pada tarikh Transaksi Belian dilaksanakan. Selepas pelaksanaan Transaksi Belian tersebut, satu pengesahan transaksi dalam bentuk satu Nasihat Pelanggan akan dihantar kepada Pelanggan tersebut.
- i. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa sifat yang mungkin ditanggung, dialami atau dibelanjakan oleh Bank akibat bertindak sebagai agen Pelanggan dalam Transaksi Komoditi Murabahah atau untuk apa-apa perlanggaran kewajipan Pelanggan. Indemniti ini akan kekal berterusan walaupun agensi Bank telah diberhentikan.
- j. Pelanggan boleh memilih untuk:
  - (i) Skima Standard; atau
  - (ii) Skima Bayaran Pendahuluan.

### (i) Skima Standard

Bank akan membayar kepada Pelanggan:

- Bagi deposit kurang daripada 12 bulan dan di bawah, deposit dan keuntungan pada tarikh matang deposit tersebut; dan
- Bagi deposit melebihi 12 bulan, deposit pada tarikh matang dan keuntungan pada selang masa setiap enam bulan sehingga tarikh matang dan jika tempoh terakhir untuk matang adalah kurang daripada 6 bulan, keuntungan adalah berdasarkan jumlah bulan sebenar yang tinggal sehingga ke tarikh matang.

Bank boleh pada budibacaranya, juga membayar hutang pada selang masa bulanan.

### (ii) Skima Bayaran Pendahuluan

Semasa memasuki Transaksi Jualan tersebut dengan Pelanggan, Bank berjanji (*wa'ad*) kepada Pelanggan untuk membayar Harga Jualan Murabahah pada tarikh matang deposit tersebut dengan membuat satu Bayaran Pendahuluan. Bayaran Pendahuluan tersebut boleh

bersamaan dengan bahagian keuntungan Harga Jualan Murabahah tersebut. Bank akan membayar Pelanggan Harga Jualan Murabahah penuh tersebut pada tarikh matang deposit tersebut ditolak dengan apa-apa Bayaran Pendahuluan yang dibuat.

k. Pengeluaran deposit tersebut secara pramatang

Jika Pelanggan mengeluarkan deposit tersebut sebelum tarikh matang, Pelanggan bersetuju bahawa Bank adalah berhak kepada satu bayaran pampasan yang bersamaan dengan:

- untuk deposit 3 bulan dan ke bawah: keuntungan dari Harga Jualan Murabahah tersebut; dan
- untuk deposit melebihi 3 bulan: separuh daripada keuntungan untuk bulan-bulan yang disempurnakan ditambah dengan keuntungan untuk bulan-bulan yang tidak disempurnakan.

Bayaran pampasan akan ditolak daripada Harga Jualan Murabahah tersebut.

- l. Semua deposit akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang, melainkan arahan daripada Pelanggan secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang disediakan oleh Bank telah diterima oleh Bank sekurang-kurangnya 1 hari perbankan sebelum tarikh matang. Perenggan (c) sehingga (i) di atas juga terpakai untuk setiap pembaharuan. Jika arahan pengeluaran diterima oleh Bank pada tarikh matang, deposit hanya boleh dipulangkan kepada Pelanggan pada hari perbankan berikutnya.
- m. Jika tarikh matang tersebut jatuh pada bukan Hari Perdagangan, ia akan diubahsuai secara automatik ke Hari Perdagangan yang seterusnya.
- n. Pelanggan mesti membuka atau mempunyai akaun simpanan/semasa untuk membolehkan Harga Jualan Murabahah dikreditkan ke dalamnya, dan maklumat berkaitan akaun ini akan dimasukkan ke dalam penyata akaun bagi akaun tersebut.

### **AKAUN-i MATAWANG ASING (FCY)**

Pelanggan haruslah membuka atau mempunyai satu akaun Ringgit terdahlu.

### **3. AKAUN FCY BUSINESS VANTAGE-i**

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Shariah bagi Wadiah (*penyimpanan*).

- a. Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk menggunakan mana-mana bahagian daripada deposit dalam akaun tersebut untuk tujuan pelaburan.
- b. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan. Tiada buku cek akan diisu. Deposit / pengeluaran tunai dan pengeluaran melebihi had adalah tidak dibenarkan.
- c. Untuk pengeluaran-pengeluaran/ deposit-deposit di kaunter, Pelanggan mesti menyemak nasihat transaksi debit / kredit tersebut untuk memastikan bahawa kemasukan yang tepat dibuat, dan jika Pelanggan gagal untuk berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- d. Kesemua cek dan instrumen monetari lain yang diterima untuk deposit adalah dikreditkan tertakluk kepada pembayaran. Bank merizabkan hak untuk mendebitkan akaun dengan jumlah yang bersamaan dengan jumlah yang dikreditkan lebih awal jika cek atau instrumen monetari relevan tersebut dikembalikan kemudiannya tanpa bayaran.
- e. Pelanggan mengakui bahawa deposit-deposit matawang asing di dalam matawang selain daripada USD, GBP, HKD, SGD dan EUR akan menerima nilainya 2 hari perbankan selepas tarikh deposit.
- f. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahkan, dipindah milik atau digadaikan samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu oleh Bank.
- g. Pelanggan bersetuju bahawa pengendalian akaun adalah tertakluk kepada peraturan kawalan pertukaran yang terpakai kini, dan jika jumlah yang didepositkan melebihi apa-apa had yang dipriskripkan oleh peraturan-peraturan kawalan pertukaran:

- Bank boleh mendebitkan akaun, menukarkan kelebihan tersebut ke dalam Ringgit pada kadar semasa pembelian Bank dan mengkreditkan akaun Ringgit Pelanggan dengan Bank; atau
  - jika Pelanggan tidak mempunyai akaun Ringgit dengan Bank, Bank akan membayar, menyimpan dan / atau memproses kelebihan tersebut dalam cara yang Bank fikirkan sesuai.
- h. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit tersebut dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank boleh pada budibicara mutlaknya membahagikan Hibah (jika ada) kepada Pelanggan yang akan dikreditkan ke dalam akaun setiap Jun dan Disember atau semasa akaun ditutup.
- i. Layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

#### **4. FCY DEPOSIT BERTEMPOH-i**

*[FCY Deposit Bertempoh-i: Layak dilindungi oleh PIDM]*

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Shariah bagi Komoditi Murabahah (*perdagangan komoditi*).

- a. Transaksi Komoditi Murabahah  
Pelanggan akan memasuki transaksi-transaksi belian dan jualan untuk komoditi yang mematuhi Shariah (“**Transaksi Komoditi Murabahah**”) untuk meletakkan deposit tersebut.
- b. Pelanggan mesti membuka atau mempunyai:
  - satu akaun Ringgit untuk menukar Ringgit tersebut kepada matawang asing yang dikehendaki untuk meletakkan deposit tersebut; dan
  - satu akaun simpanan / semasa dalam matawang asing yang sama untuk pengeluaran deposit tersebut; kerana deposit / pengeluaran tunai dalam matawang asing tidak dibenarkan.
- c. Pelanggan mengakui bahawa deposit-deposit matawang di dalam matawang selain daripada USD, GBP and EUR:
  - Transaksi Pembelian tersebut akan dilakukan selepas penerimaan nilai matawang asing tersebut; dan
  - arahan pelupusan bertulis perlu diterima oleh Bank 2 hari perbankan sebelum tarikh matang tersebut, jika tidak deposit tersebut akan diperbaharui secara otomatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang.
- d. Pelanggan bersetuju bahawa:
  - keuntungan akan dibayar pada masa deposit tersebut matang;
  - deposit mungkin tidak boleh dikeluarkan sebelum tarikh matang tetapi jika telah dikecualikan dan dibenarkan, tiada keuntungan akan dibayar ke atas deposit tersebut dan Pelanggan tersebut akan membayar pampasan kepada Bank untuk caj-caj penalti dan apa-apa kerugian yang dikira pada kadar-kadar pasaran semasa.
  - tempoh masa perletakan adalah terhad kepada 1, 3, 6, 9 atau 12 bulan sahaja.
- e. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahkan, dipindah milik atau digadaikan samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan

### **PERKHIDMATAN**

#### **5. Kad ATM Perniagaan (BAC)**

- a. Definisi-definisi
  - (i) “**ATM**” bermaksud mesin juruwang otomatik Bank dan mana-mana mesin juruwang otomatik yang dioperasikan atau dimiliki oleh mana-mana institusi kewangan yang menerima BAC.
  - (ii) “**Akaun ATM**” bermaksud akaun (selain daripada Akaun Utama) yang dispesifikasi oleh Pelanggan untuk pengeluaran tunai dengan menggunakan BAC. Akaun ATM tersebut akan dibayai oleh Akaun Utama tersebut melalui arahan tetap Pelanggan. Untuk tujuan sekuriti, deposit cek kepada Akaun ATM tersebut tidak akan dibenarkan dan akan didepositkan semula ke dalam Akaun Utama.
  - (iii) “**Wakil yang Diberikuasa**” bermaksud mana-mana orang(-orang) yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menerima dan menggunakan BAC.

- (iv) "**BAC**" (atau "**Kad ATM Perniagaan**") bermaksud satu kad yang diisu oleh Bank untuk tujuan mengeluarkan tunai dari ATM-ATM dan termasuk mana-mana kad gantian.
  - (v) "**PIN**" bermaksud nombor pengenalan peribadi yang diisu oleh Bank kepada satu Wakil yang Diberikuasa untuk satu BAC dan termasuk mana-mana nombor gantian.
  - (vi) "**Akaun Utama**" bermaksud akaun utama Pelanggan yang dikendalikan dengan Bank, dan jika diingini oleh Pelanggan, boleh juga menjadi akaun untuk pengeluaran tunai dengan menggunakan BAC.
  - (vii) "**Orang yang Tidak Diberikuasa**" bermaksud mana-mana orang selain daripada Wakil yang Diberikuasa yang relevan.
- b. Semua Wakil yang Diberikuasa adalah agen Pelanggan semasa menggunakan BAC, dan Pelanggan akan memastikan bahawa setiap Wakil yang Diberikuasa mempunyai pengetahuan dan mematuhi Terma- terma & Syarat-syarat BAC ini.
- c. Pelanggan akan menjadi bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dijalankan melalui BAC, samada dijalankan atau tidak oleh Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa.
- d. Pelanggan bersetuju:
- (i) bahawa BAC dan / atau PIN boleh dihantar kepada Pelanggan melalui kourier atau pos berdaftar (bukan AR berdaftar) pada risiko Pelanggan dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan jika ia sebenarnya tidak diterima oleh Pelanggan;
  - (ii) bahawa BAC dan / atau PIN boleh diambil oleh seorang yang diberikuasa oleh Pelanggan, dan penghantaran oleh Bank kepada orang yang memperkenalkan dirinya sebagai Wakil yang Diberikuasa yang relevan atau orang yang diberikuasa untuk mengambil BAC dan / atau PIN tersebut akan dianggap sebagai penghantaran kepada Pelanggan dan satu pelepasan yang sempurna oleh Bank;
  - (iii) bahawa BAC tidak boleh dipindahkan dan hanya boleh digunakan oleh Wakil yang Diberikuasa yang relevan;
  - (iv) untuk memberikan kepada Bank dokumen-dokumen dan maklumat tentang Wakil yang Diberikuasa, Akaun Utama, Akaun ATM dan BAC-BAC tersebut jika diminta oleh Bank; dan
  - (v) untuk memberikan kerjasama penuh kepada Bank jika terdapat apa-apa penyiasatan atau prosiding guaman berkenaan dengan BAC atau penggunaannya.
- e. Setiap pelanggan hanya boleh mempunyai BAC yang maksima sebanyak 4 sahaja. Mana mana BAC yang tidak digunakan dalam masa 1 tahun akan menjadi tidak laku, tanpa menjelaskan penggunaan yang selainnya. Pelanggan perlu memohon untuk BAC gantian dan caj penggantian akan didebitkan kepada akaun yang mana BAC gantian tersebut diisu.
- f. Jika satu BAC adalah hilang, dicuri atau digunakan oleh Orang yang Tidak Diberikuasa atau satu PIN telah didedahkan kepada Orang yang Tidak Diberikuasa, Pelanggan hendaklah dengan segera memberitahu:
- Pengurus cawangan Bank untuk akaun Utama atau Akaun ATM (dalam masa pejabat); atau
  - Pusat ATM Bank (di luar masa pejabat);
- melalui telefon, dan diikuti dengan segera satu pengesahan bertulis.
- Bank tidak mempunyai kewajipan untuk menyemak samada orang yang membuat pemakluman melalui telefon tersebut adalah sebenarnya wakil Pelanggan yang diberikuasa. Selepas notifikasi telefon diberikan, ia tidak boleh ditarik balik dan rekod Bank tentang masa notifikasi telefon tersebut dibuat akan menjadi bukti konklusif.
- Selepas menerima notifikasi telefon tersebut, Bank akan membatalkan BAC yang relevan tersebut tanpa menunggu pengesahan bertulis. Pelanggan kekal bertanggungjawab untuk transaksi-transaksi yang tidak diberikuasa yang dijalankan sebelum pembatalan BAC tersebut oleh Bank.
- g. Dalam situasi-situasi selain daripada perenggan (f) di atas, Pelanggan perlu memberitahu Bank secara bertulis jika beliau memerlukan Bank untuk membatalkan satu BAC.
- h. Bank boleh pada bila-bila masa tanpa memberikan sebab:
- Menarik balik, menggantung atau membatalkan apa-apa BAC; dan / atau

- menukar had pengeluaran harian untuk BAC;
  - dan tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- i. Jika satu BAC digunakan selepas ia telah ditarik balik, digantung atau dibatalkan, ia akan ditahan secara otomatik oleh ATM dan tidak akan dikembalikan kepada Pelanggan.
- j. Semua BAC baru dan / atau gantian yang diminta oleh Pelanggan akan diisu atas budibicara Bank. Bank boleh mengenakan dan mendebitkan caj pengisuan atau penggantian kepada Akaun Utama atau akaun ATM tersebut atau mana-mana akaun dengan Bank.
- k. Pelanggan mengakui bahawa apa-apa slip nasihat yang diisu oleh ATM tersebut semasa pengeluaran yang menggunakan BAC mewakili apa yang dikatakan telah dikeluarkan dan tidak boleh dianggap sebagai pernyataan konklusif tentang baki akaun.
- l. Jika mana-mana yang berikutnya berlaku, Bank mempunyai hak untuk memberhentikan dengan serta-merta semua BAC(-BAC) dan Pelanggan mesti memulangkan semua BAC(-BAC) kepada Bank:
- (i) Apa-apa petisyen yang dikemukakan atau perintah yang dibuat oleh mahkamah atau resolusi yang diluluskan untuk kebankrapan, penggulungan atau pembubaran atau perlantikan pelikuidasi, penerima, pengurus, pemegang amanah atau pegawai yang serupa ke atas Pelanggan; atau
  - (ii) Apa-apa distres atau pelaksanaan dilaksanakan ke atas mana-mana aset Pelanggan; atau
  - (iii) Akaun Utama atau akaun ATM tersebut ditutup.
- m. Apa-apa notis atau komunikasi yang diberi oleh Pelanggan kepada Bank berkenaan dengan BAC perlu disahkan secara bertulis dan disampaikan atau dihantar melalui pos berdaftar ke cawangan Bank akaun untuk Akaun Utama atau akaun ATM tersebut dan dalam situasi-situasi selain daripada perenggan (f) di atas, akan berkuatkuasa hanya selepas penerimaan pengesahan bertulis tersebut oleh Bank.
- n. Penggunaan BAC-BAC adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:
- (i) Terma-terma & Syarat-syarat BAC ini; dan
  - (ii) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk Akaun Utama atau akaun ATM Tersebut

## **6. Kad Deposit Perniagaan (BDC)**

- a. Definisi-definisi
- (i) **“BDC”** (atau **“Kad Deposit Perniagaan”**) bermaksud satu kad yang diisu oleh Bank untuk tujuan mendepositkan tunai atau cek melalui ECDM atau QSM dan termasuk apa-apa kad gantian.
  - (ii) **“ECDM”** bermaksud mesin deposit tunai otomatik Bank.
  - (iii) **“QSM”** bermaksud mesin deposit cek otomatik Bank.
  - (iv) **“Akaun yang Dicalonkan”** bermaksud akaun semasa yang dispesifikasi oleh Pelanggan untuk deposit tunai dan / atau cek yang menggunakan BDC.
  - (v) **“Pengguna-pengguna yang Dicalonkan”** bermaksud mana-mana orang(-orang) yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menerima dan menggunakan satu BDC.
  - (vi) **“Orang yang Tidak Diberikuasa”** bermaksud mana-mana orang selain daripada Pengguna yang Dilantik yang relevan.
- b. Semua Pengguna yang Dicalonkan adalah agen Pelanggan semasa menggunakan BDC, dan Pelanggan akan memastikan bahawa setiap Pengguna yang Dicalonkan mempunyai pengetahuan dan mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BDC ini.
- c. Pelanggan akan bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dijalankan melalui BDC, samada dijalankan atau tidak oleh Pelanggan atau Pengguna-pengguna yang Dicalonkan.
- d. Pelanggan bersetuju:

- (i) bahawa BDC boleh dihantar kepada Pelanggan melalui kourier atau pos berdaftar (bukan AR Berdaftar) pada risiko Pelanggan dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan jika ia tidak diterima oleh Pelanggan;
  - (ii) BDC boleh diambil oleh seorang yang diberikuasa oleh Pelanggan, dan penghantaran oleh Bank kepada orang yang memperkenalkan dirinya sebagai Pengguna yang Dicalonkan yang relevan atau orang yang diberikuasa untuk mengambil BDC tersebut akan dianggap sebagai penghantaran kepada Pelanggan dan satu pelepasan yang sempurna ke atas Bank;
  - (iii) bahawa BDC-BDC tidak boleh dipindahkan dan hanya boleh digunakan oleh Pengguna yang Dicalonkan yang relevan;
  - (iv) untuk memberikan kepada Bank dokumen-dokumen dan maklumat tentang Pengguna-pengguna yang Dicalonkan, Akaun yang Dicalonkan dan BDC-BDC tersebut jika diminta oleh Bank; dan
  - (v) untuk memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Bank jika terdapat apa-apa penyiasatan atau prosiding guaman berkenaan dengan BAC atau penggunaannya.
- e. Setiap Akaun yang Dicalonkan hanya boleh mempunyai BDC(-BDC) yang maksima sebanyak 3 sahaja. Mana-mana BDC yang tidak digunakan dalam masa 1 tahun akan menjadi tidak laku, tanpa menjelaskan penggunaan yang lain. Pelanggan perlu memohon untuk BDC gantian dan caj penggantian akan didebitkan kepada akaun yang mana BDC gantian tersebut diisu.
- f. Jika satu BDC telah hilang, dicuri atau digunakan oleh Orang yang Tidak Diberikuasa, Pelanggan perlu memberitahu dengan segera:
- Pengurus cawangan Bank untuk Akaun yang Dicalonkan tersebut (dalam masa pejabat); atau
  - Pusat ATM Bank (di luar masa pejabat);
- melalui telefon, dan diikuti dengan segera satu pengesahan bertulis.

Bank tidak mempunyai kewajipan untuk menyemak samada orang yang membuat pemberitahuan melalui telefon tersebut adalah sebenarnya wakil Pelanggan yang diberikuasa. Selepas notifikasi telefon diberikan, ia tidak boleh ditarik balik dan rekod Bank tentang masa notifikasi telefon tersebut dibuat akan menjadi bukti konklusif.

Selepas menerima notifikasi telefon tersebut, Bank akan membatakan BDC yang relevan tersebut tanpa menunggu pengesahan bertulis. Pelanggan kekal bertanggungjawab untuk transaksi-transaksi yang tidak diberikuasa yang dijalankan sebelum pembatalan BDC tersebut oleh Bank.

- g. Dalam situasi-situasi selain daripada perenggan (f) di atas, Pelanggan perlu memberitahu Bank secara bertulis jika ia memerlukan Bank untuk membatakan satu BDC.
- h. Bank boleh pada bila-bila masa tanpa memberikan sebab:
- Menarik balik, menggantung atau membatakan apa-apa BDC; dan / atau
  - menukar had pengeluaran harian dan bulanan untuk BDC;
- dan tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- i. Jika satu BDC digunakan selepas ia telah ditarik balik, digantung atau dibatalkan, ia akan ditahan secara otomatis oleh ECDM atau QSM dan tidak akan dikembalikan kepada Pelanggan.
- j. Semua BDC baru dan / atau gantian yang diminta oleh Pelanggan akan diisu atas budibicara Bank. Bank boleh mengenakan dan mendebitkan caj pengisuan atau penggantian kepada Akaun yang Dicalonkan tersebut atau mana-mana akaun dengan Bank.
- k. Pelanggan mengakui bahawa apa-apa slip nasihat yang diisu oleh ECDM atau QSM tersebut semasa deposit yang menggunakan BDC mewakili apa yang dikatakan telah dikeluarkan dan tidak boleh dianggap sebagai pernyataan konklusif tentang baki akaun.
- l. Jika mana-mana yang berikutnya berlaku, Bank mempunyai hak untuk memberhentikan dengan serta-merta semua BDC(-BDC) dan Pelanggan perlu memulangkan semua BDC(-BDC) kepada Bank:
- (i) Apa-apa petisyen yang dikemukakan atau perintah yang dibuat oleh mahkamah atau resolusi yang diluluskan untuk kebankrapan, penggulungan atau pembubaran atau perlantikan pelikuidasi, penerima, pengurus, pemegang amanah atau pegawai yang serupa ke atas Pelanggan; atau

- (ii) Apa-apa distres atau pelaksanaan dilaksanakan ke atas mana-mana aset Pelanggan; atau
  - (iii) Akaun yang Dicalonkan tersebut ditutup.
- m. Apa-apa notis atau komunikasi yang diberi oleh Pelanggan kepada Bank berkenaan dengan BDC perlu disahkan secara bertulis dan disampaikan atau dihantar melalui pos berdaftar ke cawangan Bank akaun untuk Akaun yang Dicalonkan tersebut dan dalam situasi-situasi selain daripada perenggan (f) di atas, akan berkuatkuasa hanya selepas penerimaan pengesahan bertulis tersebut oleh Bank.
- n. Penggunaan BDC-BDC adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:
- (i) Terma-terma & Syarat-syarat BDC ini; dan
  - (ii) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk Akaun yang Dicalonkan tersebut.

## **7. Peringatan SMS Perniagaan (BSA)**

- a. Definisi-definisi
- (i) "**BSA**" (atau "**Peringatan SMS Perniagaan**") bermaksud perkhidmatan pembekalan Maklumat kepada Pelanggan melalui SMS.
  - (ii) "**Maklumat**" bermaksud maklumat dan data yang sedia ada kepada Pelanggan melalui BSA, yang dibekalkan samada oleh Bank atau Pembekal Maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat akaun dan Maklumat yang Dibayar.
  - (iii) "**Pembekal Maklumat**" bermaksud satu pembekal pihak ketiga Maklumat tersebut termasuk pihak dari mana ia memperolehi apa-apa maklumat.
  - (iv) "**Pengguna yang Dicalonkan**" bermaksud mana-mana orang yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menggunakan BSA.
  - (v) "**Maklumat yang Dibayar**" bermaksud direktori Bank tentang lokasi cawangan, telefon hotline perbankan komersil, harga saham Bursa Malaysia dan maklumat lain yang boleh dimasukkan dari masa ke semasa.
  - (vi) "**SMS**" bermaksud perkhidmatan mesej pendek dengan menggunakan telefon bimbit.
- b. Pengguna yang Dicalonkan adalah agen Pelanggan semasa menggunakan BSA, dan Pelanggan akan memastikan bahawa Pengguna yang Dicalonkan mempunyai pengetahuan dan mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini.
- c. Tertakluk kepada perenggan (j) di bawah, notifikasi SMS tersebut akan disiarkan seperti berikut:
- pada hari yang sama, untuk transaksi-transaksi yang dijalankan pada masa perbankan biasa;
  - pada hari perbankan yang berikutnya, untuk transaksi-transaksi yang dijalankan selepas masa perbankan biasa;
  - pada hari perbankan yang ada berikutnya yang sedia ada, untuk transaksi-transaksi yang dijalankan selepas masa perbankan biasa, di mana hari berikutnya bukanlah hari(-hari) perbankan.
- Satu "**hari perbankan**" dan "**masa perbankan biasa**" adalah merujuk kepada cawanganutama Bank di No. 2, Lebuh Ampang, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia.
- d. Notifikasi SMS hanya akan dihantar untuk jenis-jenis transaksi yang dinyatakan di dalam borang permohonan BSA (transaksi-transaksi tunai adalah dikecualikan secara spesifik).
- e. Pelanggan boleh memohon untuk menerima Maklumat yang Dibayar melalui BSA, tertakluk kepada caj-caj Bank termasuk caj-caj oleh operator rangkaian bimbit.
- f. Disebabkan oleh sifat BSA dan kejadian-kejadian yang di luar kawalan Bank, Bank tidak boleh menjamin bahawa notifikasi SMS dan / atau Maklumat yang dibekalkan melalui BSA (terutamanya harga saham Bursa Malaysia oleh satu Pembekal Maklumat) adalah tepat. Bank tidak akan bertangungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan disebabkan oleh penggunaan BSA atau pergantungan kepada notifikasi SMS dan / atau Maklumat tersebut.

- g. Maklumat yang dibekalkan melalui BSA bukan satu tawaran atau jemputan oleh Bank untuk membeli atau menjual apa-apa barang, perkhidmatan, atau sekuriti manupun satu tawaran nasihat pelaburan, guaman, perakaunan, cukai atau kewangan.
- h. Pelanggan boleh memberhentikan penggunaan BSA dengan memberikan kepada Bank satu notis bertulis 30 hari sebelum itu.
- i. Pelanggan dan Pengguna yang Dicalonkan hendaklah mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini dan arahan-arahan dan / atau prosedur Bank untuk penggunaan BSA, dan jika mereka gagal untuk melakukan sedemikian, Bank akan:
- (i) tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau Pengguna yang Dicalonkan; dan
  - (ii) mempunyai hak untuk menggantung atau memberhentikan penggunaan BSA.
- j. Pelanggan mengakui bahawa Pengguna yang Dicalonkan mungkin menerima sejumlah mesej SMS yang banyak yang dihantar pada bila-bila masa dan bersetuju untuk tidak membawa apa-apa tindakan terhadap Bank untuk kacau-ganggu berkenaan dengan penerimaan mesej-mesej SMS tersebut.
- k. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan berkenaan dengan BSA untuk apa-apa sebab jua, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- kerosakan atau ketidak fungsian komputer, talian-talian sambungan terminalnya, sistem-sistem pemprosesan data-data atau talian-talian penghantaran; atau
  - apa-apa keadaan yang di luar kawalan Bank.
- l. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa sifat jua yang mana akan ditanggung, dialami atau dikeluarkan oleh Bank akibat daripada membekalkan BSA dan / atau bertindak atas apa-apa arahan atau kuasa yang diterima melalui BSA yang dikatakan datang daripada Pelanggan atau Pengguna yang Dicalonkan. Indemniti ini akan berterusan walaupun BSA ditamatkan dan / atau akaun ditutup.
- m. Pelanggan bersetuju untuk memberikan maklumat yang diminta oleh Bank secara munasabah dari masa ke semasa untuk tujuan BSA.
- n. Pelanggan bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis dengan serta merta untuk memberhentikan akses kepada BSA oleh Pengguna yang Dicalonkan apabila:
- Pelanggan mengesyaki bahawa terdapat salah laku oleh Pengguna yang Dicalonkan; atau
  - Pengguna yang Dicalonkan berhenti menjadi agen Pelanggan.
- o. Pelanggan mengetahui bahawa Bank tidak mempunyai kewajipan untuk mengesahkan identiti orang yang menerima notifikasi SMS dan / atau Maklumat tersebut selain daripada memastikan bahawa ia telah dihantar kepada nombor telefon bimbit yang betul (dinyatakan pada borang permohonan BSA tersebut atau seperti yang dikemaskinikan oleh Pelanggan dari masa ke semasa).
- p. Setiap akaun dengan BSA adalah tertakluk kepada satu caj perkhidmatan bulanan seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di [www.hsbcamanah.com.my](http://www.hsbcamanah.com.my). Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk mendebitkan caj perkhidmatan bulanan daripada mana-mana akaun Pelanggan.
- q. Bank merizabkan hak untuk memperkenalkan ciri-ciri baru untuk BSA tertakluk kepada terma-terma tambahan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan.
- r. Bank merizabkan hak untuk melantik agen(agen) untuk memperuntukkan semua atau sebahagian daripada BSA, dan rujukan-rujukan dalam Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini kepada "Bank" termasuk agen(agen) tersebut termasuk dalam klausa-klausa penghadan liabiliti.
- s. Sebagai tambahan kepada apa yang dinyatakan dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di bawah klausa "Notis," notis-notis kepada Pelanggan di bawah Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini boleh diberikan oleh Bank secara elektronik atau melalui BSA, dan akan dianggap sebagai diterima serta merta selepas transmisi kepada nombor faksimili, nombor telex, alamat

emel atau nombor telefon bimbit terakhir yang diberitahu secara bertulis oleh Pelanggan kepada Bank.

- t. Bank dan Pelanggan bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang perlindungan data dan undang-undang bagi tujuan-tujuan serupa yang lain yang terpakai dalam semua bidangkuasa yang relevan. Pelanggan mengakui bahawa adalah tanggungjawab Pelanggan untuk mendapatkan persetujuan bertulis yang wajar daripada pekerja-pekerja dan orang-orang lain sebelum data peribadi dan / atau selainnya dihantar, diproses atau dikendalikan melalui BSA. Pelanggan bersetuju untuk memberikan Bank salinan-salinan persetujuan-persetujuan tersebut apabila diminta.

Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Kumpulan HSBC terhadap semua kos, penalti, kerosakan dan kerugian lain yang dikeluarkan disebabkan oleh apa-apa kemungkinan oleh Pelanggan tentang peruntukan ini. Indemniti ini hendaklah berterusan walaupun BSA ditamatkan dan / atau akaun ditutup.

- u. Penggunaan BSA adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikuti keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:
- (i) Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini; dan
  - (ii) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk akaun tersebut.

## 8. Laporan cek Perniagaan (BCR)

- a. ▶ Definisi-definisi
- (i) “**BCR**” (atau “**Laporan Cek Perniagaan**”) bermaksud perkhidmatan yang membekalkan Maklumat BCR kepada Pelanggan melalui E-mel Enkripsi yang dihantar kepada Pengguna-pengguna yang Dicalonkan.
  - (ii) “**Maklumat BCR**” bermaksud data yang berkaitan dengan cek-cek yang kena dibayar kepada Pelanggan yang didepositkan untuk pungutan melalui QSM, dan telah dijelaskan dan dibayar ke dalam akaun Pelanggan dengan Bank.
  - (iii) “**E-mel Enkripsi**” bermaksud mel elektronik yang dienkripsi dan dihantar dan / atau diterima melalui laman web khusus yang diacarkan kepada server entiti kumpulan HSBC yang terletak samada di dalam atau di luar Malaysia.
  - (iv) “**Pengguna Yang Dicalonkan**” bermaksud mana-mana orang(orang-orang) yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menerima Maklumat BCR melalui BCR.
  - (v) “**Kata Laluan**” bermaksud kata laluan yang digunakan oleh Pengguna yang Dicalonkan untuk mengakses E-mel Enkripsi.
  - (vi) “**QSM**” bermaksud mesin deposit cek otomatik Bank.
  - (vii) “**Orang Yang Tidak Diberikuasa**” bermaksud mana-mana orang selain daripada Pengguna Yang Dicalonkan.
- b. ▶ Semua Pengguna Yang Dicalonkan merupakan wakil kepada Pelanggan apabila menggunakan BCR dan Pelanggan akan memastikan bahawa setiap Pengguna Yang Dicalonkan mempunyai pengetahuan dan mematuhi dengan Terma-terma dan Syarat-syarat BCR ini.
- c. ▶ Maklumat BCR akan dihantar kepada Pengguna Yang Dicalonkan melalui BCR pada hari perbankan berikutnya selepas penjelasan dan pembayaran dibuat ke dalam akaun Pelanggan dengan Bank. “**hari perbankan**” adalah rujukan kepada cawangan utama Bank di No. 2, Lebuh Ampang, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia. Semua rujukan kepada waktu dan tarikh yang dinyatakan di dalam E-mel Enkripsi adalah merujuk kepada waktu dan tarikh di Malaysia melainkan dinyatakan secara spesifik oleh Bank.
- d. ▶ Pelanggan dan setiap Pengguna Yang Dicalonkan bersetuju kepada penggunaan E-mel Enkripsi dan *server-server* ditempatkan di luar Malaysia.
- e. ▶ Pelanggan bersetuju untuk memastikan bahawa pengaksesan oleh Pengguna Yang Dicalonkan kepada BCR hendaklah melalui komputer yang dilengkapi dengan perisian *anti-virus* dan *anti*

*spyware* yang dikemaskini, dan Pengguna Yang Dicalonkan menyimpan Kata Laluan dengan selamat pada semua masa dan mengambil langkah-langkah berjaga-jaga dengan teliti untuk mengelakkan apa-apa pengaksesan oleh mana-mana Orang Yang Tidak Diberikuasa.

- f. ▶ Pelanggan boleh menamatkan penggunaan BCR dengan memberikan notis terdahulu secara bertulis selama 30 hari kepada Bank.
- g. ▶ Pelanggan dan Pengguna Yang Dicalonkan hendaklah mematuhi Terma-terma dan Syarat syarat BCR ini dan arahan-arahan Bank dan / atau prosedur-prosedur untuk penggunaan BCR, dan jika mereka gagal berbuat demikian, Bank akan:
  - (i) tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh pelanggan atau Pengguna Yang Dicalonkan; dan
  - (ii) berhak untuk menggantungkan atau menamatkan penggunaan BCR.
- h. ▶ Pelanggan mengakui bahawa BCR boleh diakses melalui internet iaitu satu sistem awam di mana Bank tidak boleh mengawal, dan tiada jaminan diberikan oleh Bank atau mana-mana entiti di dalam kumpulan HSBC bahawa BCR adalah bebas daripada virus-virus komputer yang akan memberi kesan tidak baik kepada perkakasan atau perisian yang digunakan oleh Pelanggan dan / atau Pengguna Yang Dicalonkan.
- i. ▶ Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan dan/atau Pengguna Yang Dicalonkan berkaitan dengan BCR atas apa-apa alasan, termasuk tetapi terhad kepada:
  - (i) Maklumat BCR yang salah;
  - (ii) kehilangan atau kemusnahan data, perisian, perkakasan, rangkaian komputer, telekomunikasi-telekomunikasi atau apa-apa peralatan;
  - (iii) ketidaksediaan, kelewatan atau gangguan ke atas BCR yang disebabkan oleh ketiadaan bekalan elektrik, kerosakan atau ketidak-fungsian peralatan, kemudahan kemudahan, sistem-sistem komputer, sistem-sistem pemprosesan data, telekomunikasi-telekomunikasi atau rangkaian-rangkaian komunikasi data, jaluran jaluran terminal sambungan atau jaluran-jaluran penghantaran; atau
  - (iv) kerosakan-kerosakan sampingan, tidak langsung, khusus, berterusan atau gantirugi teladan; atau apa-apa kehilangan penggunaan, pendapatan, keuntungan-keuntungan atau simpanan-simpanan.
- j. ▶ Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa sifat juar yang ditanggung, dialami atau dibelanjakan oleh Bank akibat daripada pembekalan BCR. Tanggungan untuk gantirugi ini hendaklah berterusan walaupun penamatkan penggunaan BCR dan / atau penutupan akaun.
- k. ▶ Pelanggan bersetuju untuk memberikan maklumat-maklumat seperti yang diperlukan oleh Bank secara wajarnya dari masa ke semasa bagi tujuan BCR.
- l. ▶ Pelanggan bersetuju untuk memaklumkan Bank dengan serta merta secara bertulis untuk menamatkan pengaksesan BCR oleh Pengguna Yang Dicalonkan apabila:
  - (i) Pelanggan mengesyaki apa-apa kejanggalan pada pihak Pengguna Yang Dicalonkan;
  - (ii) Pengguna Yang Dicalonkan berhenti menjadi wakil kepada Pelanggan.
- m. ▶ Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak mempunyai obligasi untuk menentusahkan identiti orang yang menerima Maklumat BCR melalui BCR selain daripada memastikan bahawa ianya dihantar ke alamat mel elektronik yang betul (yang dinyatakan di dalam borang permohonan BCR atau seperti yang dikemaskinikan oleh Pelanggan dari masa ke semasa).
- n. ▶ Setiap akaun denga BCR adalah tertakluk kepada caj perkhidmatan bulanan (iaitu dalam bentuk "Ujrah" untuk perkhidmatan yang dibekalkan oleh Bank di bawah BCR) seperti yang dinyatakan pada masa kini di dalam Caj-caj dan Tarif Bank di dalam laman web Bank di [www.hsbcamanah.com.my](http://www.hsbcamanah.com.my) dan Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan caj perkhidmatan bulanan tersebut ke dalam mana-mana akaun pelanggan.

- o. ▶ Bank merizabkan hak untuk memperkenalkan ciri-ciri baru BCR tertakluk kepada terma tambahan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan.
  - p. ▶ Sebagai tambahan kepada yang disebutkan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Generik di bawah klausu “Notis-notis”, notis-notis kepada Pelanggan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat BCR ini boleh diberikan oleh bank secara elektronik atau melalui BCR dan akan dianggap sebagai telah diterima secara serta merta selepas transmisi ke nombor faksimili, nombor teleks, alamat e-mel atau nombor telefon bimbit terakhir yang dimaklumkan secara bertulis oleh Pelanggan kepada Bank.
  - q. ▶ Bank dan Pelanggan bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang perlindungan data dan undang-undang bagi tujuan-tujuan serupa lain yang terpakai di dalam semua bidangkuasa yang relevan. Pelanggan mengakui bahawa ianya merupakan tanggungjawab Pelanggan untuk mendapatkan satu persetujuan bertulis yang wajar daripada pekerja pekerja dan orang-orang lain sebelum data peribadi dan / atau data-data lainnya dihantar, diproses atau dikendalikan melalui BCR. Pelanggan bersetuju untuk memberikan salinan salinan persetujuan tersebut kepada Bank jika diminta.
- Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Kumpulan HSBC terhadap semua kos, penalti, kerosakan dan kerugian lain yang ditanggung akibat daripada kemungkiran Pelanggan dalam mematuhi peruntukan ini. Tanggungan gantirugi ini akan berterusan walaupun penamatan BCR dan / atau penutupan akaun.
- r. ▶ Penggunaan BCR adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:
    - (i) Terma-terma & Syarat-syarat BCR ini; dan
    - (ii) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk akaun tersebut.

## 9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB)

- a. Definisi-definisi
  - (i) **“Wakil yang Diberikuasa”** bermaksud mana-mana orang yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menggunakan BTB.
  - (ii) **“BTB”** (atau **“Perbankan Telefon Perniagaan”**) bermaksud saluran komunikasi dengan Bank dengan menggunakan telefon tekan butang tona (push button tone telephone) untuk memberikan arahan-arahan untuk transaksi-transaksi perbankan dan untuk menerima maklumat daripada Bank.
  - (iii) **“PBN”** (atau **“Nombor Perbankan Peribadi”**) bermaksud pengenalan unik yang diisu kepada setiap Wakil yang Diberikuasa untuk BTB.
  - (iv) **“PIN”** (atau **“Nombor Pengenalan Peribadi”**) bermaksud aturan nombor-nombor yang diisu kepada atau diambil oleh mana-mana Wakil yang Diberikuasa untuk menggunakan BTB.
  - (v) **“Orang yang Tidak Diberikuasa”** bermaksud mana-mana orang selain daripada Wakil yang Diberikuasa yang relevan.
- b. BTB
  - (i) Bank mempunyai hak untuk memberhentikan atau mengubah dari masa ke semasa, apa-apa bahagian BTB termasuk tetapi tidak terhad kepada:
    - memperkembangkan atau mengurangkan BTB;
    - mengenakan atau mengubah apa-apa halangan atas penggunaan BTB seperti had harian minima dan maksima untuk apa-apa transaksi perbankan melalui BTB; dan
    - menetapkan atau mengubah masa perkhidmatan untuk BTB dan apa-apa masa batasan harian yang terpakai. Arahan-arahan yang diterima oleh Bank selepas masa batasan harian tersebut mungkin diproses pada hari perbankan seterusnya.
  - (ii) Pelanggan bersetuju untuk mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini, dan memastikan bahawa BTB adalah digunakan dengan berhati-hati dan suci hati. Wakil yang Diberikuasa adalah agen Pelanggan semasa menggunakan BTB, dan Pelanggan akan memastikan

- (iii) bahawa Wakil yang Diberikuasa sedar dan mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini. Jika Bank berpendapat bahawa Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa telah memungkiri Terma-terma & Syarat-syarat BTB, Bank akan:
- tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa; dan
  - mempunyai hak untuk menggantung atau memberhentikan penggunaan BTB.

c. Prosedur Pendaftaran, PBN dan PIN

- (i) Setiap Wakil yang Diberikuasa akan diberikan satu PBN dan PIN.
- (ii) PBN dan PIN tersebut:
- hendaklah dihantar berasingan, samada melalui pos atau apa-apa cara lain yang ditentukan oleh Bank, kepada Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa atas risiko Pelanggan; atau
  - boleh diambil oleh seorang yang diberikuasa oleh Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa, dan penghantaran oleh Bank kepada orang yang memperkenalkan dirinya sebagai Wakil yang Diberikuasa yang relevan atau orang yang diberikuasa untuk mengambil PBN dan / atau PIN tersebut akan dianggap sebagai penghantaran kepada Pelanggan dan satu pelepasan yang sempurna ke atas Bank.
- (iii) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa jika PBN dan / atau PIN tersebut sebenarnya tidak diterima.
- (iv) Pelanggan dan setiap Wakil yang Diberikuasa akan dengan berhati-hati dan suci hati memastikan PBN dan PIN selamat pada semua masa, dan tidak akan pada bila-bila masa mendedahkan PBN dan PIN kepada mana-mana Orang yang Tidak Diberikuasa.
- (v) Pelanggan akan menanggung risiko apa-apa pendedahan PBN dan / atau PIN tersebut kepada mana-mana Orang yang Tidak Diberikuasa dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- (vi) Jika BTB digunakan oleh Orang yang Tidak Diberikuasa, atau PBN dan / atau PIN tersebut adalah didedahkan kepada Orang yang Tidak Diberikuasa, Pelanggan akan memberitahu Bank dengan segera melalui telefon (pada nombor telefon yang diindikasikan oleh Bank untuk tujuan sedemikian), diikuti dengan satu pengesahan bertulis secara segera. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk menyemak samada orang yang membuat pemberitahuan melalui telefon tersebut adalah sebenarnya wakil Pelanggan yang diberikuasa. Selepas notifikasi telefon diberikan, ia tidak boleh ditarik balik dan rekod Bank tentang masa notifikasi telefon tersebut dibuat akan menjadi bukti konklusif.
- Selepas menerima notifikasi telefon tersebut, Bank akan menggantung dan / atau membatalkan BTB untuk akaun(akaun-akaun) Pelanggan dan / atau membatalkan PBN dan / atau PIN tersebut tanpa menunggu untuk pengesahan bertulis. Pelanggan kekal bertanggungjawab untuk transaksi-transaksi yang tidak diberikuasa yang dijalankan dengan menggunakan BTB sebelum notifikasi telefon tersebut sebenarnya diterima oleh Bank.
- (vii) Pelanggan dan / atau Wakil yang Diberikuasa boleh diberikan PBN dan / atau PIN baru atas budibicara Bank.

d. Arahan-arahan

- (i) Setiap Wakil yang Diberikuasa perlu memasukkan PBN dan PIN tersebut (dan / atau mana-mana pengenalan yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa) untuk membolehkan BTB digunakan.
- (ii) Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk menganggap semua arahan yang diterima oleh Bank melalui BTB sebagai arahan-arahan yang diberikuasa oleh Pelanggan secara sempurna, walaupun ia bertentangan dengan apa-apa mandat yang sedia ada untuk akaun tersebut. Tertakluk kepada perenggan (d)(i) di atas, Bank tidak mempunyai kewajipan untuk menyemak identiti atau kuasa orang yang memberikan arahan-arahan tersebut.
- (iii) Bank tidak akan bertanggungan untuk apa-apa kerugian atau kelengahan yang dialami oleh Pelanggan jika arahan-arahan yang diberikan melalui BTB adalah tidak tepat, tidak lengkap atau kurang jelas.

- (iv) Apa-apa arahan yang diberikan melalui BTB tidak boleh dibatalkan atau diubah tanpa kebenaran Bank. Jika Pelanggan meminta Bank untuk membatalkan atau mengubah apa-apa arahan, Bank akan menggunakan usaha-usaha munasabah untuk melakukan sedemikian, tetapi Bank tidak akan bertanggungjawab jika ia gagal untuk mematuhi permintaan Pelanggan.
- (v) Pelanggan bersetuju bahawa semua arahan yang diberikan melalui BTB akan laksanakan tertakluk kepada Terma-terma & Syarat-syarat Generik, dan akan terikat ke atas Pelanggan ssebaik sahaja ia dilaksanakan oleh Bank dengan suci hati.
- (vi) Bank mempunyai hak untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan apa-apa jumlah yang Bank telah bayar atau tanggung, termasuk caj-caj perkhidmatan dan fi-fi transaksi, sebagai akibat daripada pelaksanaan arahan yang diberikan melalui BTB.
- (vii) Bank mempunyai budibicara, tanpa bertanggungjawab, untuk enggan melaksanakan atau menangguh dalam melaksanakan arahan yang diberikan melalui BTB jika:
  - ia akan menyebabkan had yang terpakai dilebihi;
  - Bank mempunyai sebab untuk percaya bahawa terdapat satu kemungkiran sekuriti; atau
  - Bank telah memberhentikan BTB untuk akaun(-akaun) Pelanggan menurut perenggan (m) di bawah

dan Bank akan memberitahu Pelanggan tentang perkara ini secepat mungkin yang praktikal.

- (viii) Pelanggan mengakui bahawa satu transaksi perbankan mungkin tidak boleh dilaksanakan secara serta merta selepas arahan tersebut diberi melalui BTB, kerana sesetengahnya mungkin mengambil masa untuk diproses atau hanya boleh diproses semasa masa perbankan biasa walaupun BTB boleh digunakan di luar masa-masa tersebut.
- "**Masa perbankan biasa**" adalah merujuk kepada cawangan utama Bank di No. 2, Lebuh Ampang, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia.
- (ix) Apa-apa kadar pertukaran, kadar indikatif keuntungan dan maklumat lain yang diberikan oleh Bank melalui BTB adalah untuk maklumat umum sahaja dan tidak terpakai kepada apa apa transaksi perbankan yang spesifik. Kadar yang terpakai untuk satu transaksi perbankan yang spesifik adalah kadar yang ditawarkan oleh Bank dan diterima oleh Pelanggan untuk transaksi perbankan yang spesifik tersebut.

#### e. Rakaman BTB

- (i) Semua panggilan telefon melalui BTB akan dirakamkan. Rakaman-rakaman tersebut, sebagai harta Bank sepenuhnya, akan menjadi terikat secara konklusif ke atas Pelanggan dan Bank merizabkan haknya untuk memusnahkan rakaman-rakaman tersebut selepas satu tempoh masa yang difikirkan sesuai.
- (ii) Pelanggan bersetuju untuk tidak membantah kepada keboleh-terimaan rakaman-rakaman tersebut sebagai bukti keterangan dalam prosiding-prosiding guaman atas dasar-dasar bahawa mereka tidak asal atau bukan dalam bentuk bertulis.

#### f. Gangguan Perkhidmatan

- (i) Bank boleh (tetapi tidak mempunyai kewajipan untuk) menggantung apa-apa perkhidmatan di bawah BTB yang mana difikirkan perlu oleh Bank atau dinasihatkan untuk melakukan sedemikian, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apabila:
  - Bank mempunyai alasan untuk percaya bahawa terdapat satu perlanggaran keselamatan yang sebenar atau berpotensi;
  - Pelanggan tidak berjaga-jaga untuk memastikan keselamatan penggunaan BTB; atau
  - penyeleggaraan rutin, bukan-rutin atau kecemasan adalah diperlukan.
- (ii) Bank akan menggunakan usaha-usaha yang munasabah untuk memaklumkan Pelanggan jika mana-mana perkhidmatan di bawah BTB adalah tidak sedia ada. Jika Bank telah mengenakan caj secara spesifik untuk satu perkhidmatan tertentu yang tidak sedia ada (bukan merujuk kepada fi berkala tersebut yang dikenakan untuk BTB secara sepenuhnya), Bank akan membayar balik kepada Pelanggan caj-caj spesifik tersebut dan selepas berbuat demikian, Bank tidak akan mempunyai apa-apa liabiliti lanjutan kepada Pelanggan.

**g. Maklumat Pelanggan**

Pelanggan bersetuju untuk memberikan maklumat yang diperlukan secara munasabah oleh Bank dari masa ke semasa untuk tujuan BTB.

**h. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan**

- (i) Pelanggan bersetuju bahwa adalah tanggungjawab Pelanggan untuk menyemak semula dengan kerap kawalan-kawalan keselamatan untuk:
  - PBN dan / atau PIN; dan
  - penggunaan BTB.
- (ii) Pelanggan bersetuju untuk memastikan bahawa setiap Wakil yang Diberikuasa mematuhi:
  - prosedur-prosedur keselamatan dalam Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini; dan
  - arahan-arahan atau cadangan-cadangan Bank bagi keselamatan perbankan telefon.
- (iii) Pelanggan bersetuju untuk memastikan bahawa setiap Wakil yang Diberikuasa menyimpan PBN dan PIN mereka dengan selamat pada kesemua masa dan mengambil langkah-langkah keselamatan untuk menghalang penggunaan oleh mana-mana Orang yang Tidak Diberikuasa seperti berikut, tetapi tidak terhad kepada:
  - tidak membuat rekod PBN dan PIN mereka dalam satu cara yang mungkin boleh difahami oleh orang lain;
  - tidak mendedahkan PBN dan PIN mereka kepada orang lain (termasuk pekerja Bank);
  - memusnahkan apa-apa nasihat dari Bank tentang PBN dan PIN mereka dengan serta merta selepas penerimaan;
  - Elak daripada menggunakan PIN-PIN yang boleh diteka dengan senang seperti tarikh-tarikh lahir, nombor telefon, dll;
  - memaklumkan Bank secara serta merta jika mereka mengetahui atau mengesyaki bahawa orang lain mengetahui PBN dan PIN mereka;
  - menggunakan BTB dalam satu cara yang selamat di mana tiada orang yang mengintai di bahu mereka, mereka tidak berada dalam lingkungan TV litar tertutup dan tiada orang yang boleh mengenali kekunci yang ditekan oleh mereka dalam telefon;
  - menukar PIN mereka dengan kerap dan tidak menggunakan bergilir-gilir di antara PIN-PIN yang telah digunakan sebelum itu; dan
  - menyimpan PBN dan PIN mereka dalam satu tempat selamat pada semua masa.
- (iv) Pelanggan dan / atau Wakilnya yang Diberikuasa hendaklah memberitahu Bank dengan serta merta dan menukar PIN-PIN mereka kepada satu yang tidak pernah digunakan sebelum itu jika:
  - Terdapat penggunaan BTB yang sebenar atau yang disyaki oleh seorang Orang yang Tidak Diberikuasa; atau
  - Seorang Orang yang Tidak Diberikuasa mengetahui PBN dan / atau PIN tersebut.
- (v) Pelanggan bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis dengan serta merta untuk memberhentikan akses kepada BTB oleh Wakil yang Diberikuasa apabila:
  - Pelanggan mengesyaki bahawa terdapat salah laku oleh Wakil yang Diberikuasa; atau
  - Wakil yang Diberikuasa berhenti menjadi agen Pelanggan.

**i. Liabiliti-liabiliti Pelanggan**

- (i) Pelanggan akan bertanggungjawab untuk kesemua akibat yang disebabkan oleh penggunaan BTB dan / atau maklumat yang diperolehi melalui BTB.
- (ii) Pelanggan akan bertanggungjawab untuk semua kerugian daripada transaksi-transaksi perbankan yang tidak diberikuasa jika terdapat kecuaian atau frod oleh Pelanggan dan / atau Wakil yang Diberikuasa, dan kecuaian termasuk tidak mematuhi tanggungjawab tanggungjawab keselamatan yang dinyatakan dalam Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini.
- (iii) Pelanggan bersetuju untuk menanggung gantirugi:
  - Bank;

- mana-mana ahli di dalam Kumpulan HSBC; dan
- pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja masing-masing;

(secara kolektif, "**Orang-orang yang Ditanggung Gantirugi**") terhadap kesemua liabiliti, tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan dalam apa sifat juu (termasuk fi guaman atas dasar indemniti penuh) yang mungkin ditanggung, dialami atau dikeluarkan disebabkan oleh:

- pembekalan BTB;
- bertindak atas apa-apa arahan yang diterima melalui BTB yang dikatakan datang daripada Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa; dan / atau
- pelaksanaan hak-hak Bank di bawah Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini.

tetapi tidak termasuk apa-apa kerugian langsung dan boleh diramal dengan munasabah yang disebabkan secara tunggalnya oleh kecuaian melampau atau keingkaran dengan sengaja oleh mana-mana Orang yang Ditanggung Gantirugi. Indemniti ini akan berterusan walaupun BTB diberhentikan dan / atau akaun ditutup.

- (iv)** Pelanggan bersetuju untuk bekerjasama sepenuhnya dengan Bank dalam penyiasatan penyiasatan frod. Mana-mana kegagalan untuk berbuat sedemikian termasuk menahan maklumat akan dianggap sebagai kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini, dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

#### j. Liabiliti-liabiliti Bank

- (i)** Bank akan mengambil langkah berhati-hati yang munasabah untuk memastikan bahawa apa apa maklumat yang diberikan melalui BTB mencerminkan maklumat dalam sistem komputer Bank dengan tepat.
- (ii)** Bank, mana-mana ahli Kumpulan HSBC, mahupun pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja mereka masing-masing (secara kolektif, "**Orang-orang Relevan**") tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan yang disebabkan oleh yang berikut, kecuali untuk apa-apa kerugian langsung dan boleh diramal (sehingga tahap jumlah transaksi perbankan yang relevan) yang disebabkan secara tunggalnya oleh kecuaian melampau atau keingkaran dengan sengaja oleh mana-mana Orang-orang Relevan:
  - penggunaan BTB dan / atau maklumat yang diperolehi melalui BTB oleh Pelanggan atau mana-mana orang lain (samada diberikuasa atau tidak);
  - pendedahan PBN dan / atau PIN atau apa-apa nasihat tentang PBN dan / atau PIN kepada mana-mana Orang yang Tidak Diberikuasa;
  - kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini atau kegagalan untuk menggunakan BTB dengan berjaga-jaga;
  - Bank bertindak ke atas apa-apa arahan (samada diberikuasa atau tidak) atau Bank menyalahafsirkan apa-apa arahan tertakluk kepada syarat bahawa Bank telah bertindak secara suci hati;
  - apa-apa ketidaksediaan BTB, apa-apa penangguhan atau gangguan dalam transmisi arahan-arahan atau maklumat yang disebabkan oleh keadaan-keadaan di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada:
    - > kegagalan apa-apa telekomunikasi atau rangkaian telekomunikasi data;
    - > kegagalan mekanikal atau elektrik;
    - > kerosakan atau ketidakfungsian peralatan, kemudahan-kemudahan atau sistem-sistem komputer;
    - > mogok, tindakan industri atau pertikaian perniagaan (samada melibatkan pekerja-pekerja Bank atau tidak);
    - > pergolakan sivil atau tindakan kerajaan;
    - > tindakan atau peninggalan oleh mana-mana pihak ketiga;
    - > apa-apa undang-undang, peruntukan, peraturan, kod, garis panduan, arahan atau perintah (samada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak);
  - frod atau kelakuan tidak jujur oleh mana-mana pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan melalui telefon;
  - pendedahan maklumat Pelanggan kepada mana-mana pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada Pusat Biro Kredit;

- maklumat Pelanggan tidak tepat atau dinyatakan dengan salah untuk apa-apa sebab jua, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
    - > kecuaian (bukan kecuaian melampau) atau keingkaran (bukan keingkaran dengan sengaja) oleh Bank, mana-mana ahli Kumpulan HSBC, mana-mana pihak ketiga atau pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja masing-masing; atau
    - > penangguhan atau gangguan dalam memberitahu atau mengemaskinikan perubahan-perubahan kepada maklumat Pelanggan;
  - pergantungan oleh Pelanggan, Wakil-wakil yang Diberikuasa atau mana-mana pihak ketiga kepada maklumat Pelanggan yang tidak tepat atau dinyatakan dengan salah.
- (iii) Bank dan ahli-ahli Kumpulan HSBC langsung tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa gantirugi kebetulan, tidak langsung, khas, turutan, atau tauladan termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana kehilangan penggunaan, pendapatan, keuntungan-keuntungan atau simpanan-simpanan yang dialami oleh pelanggan atau mana-mana orang lain.
- (iv) Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memantau penggunaan BTB oleh Pelanggan untuk apa-apa kegagalan untuk mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini termasuk tanggungjawab-tanggungjawab keselamatan Pelanggan atau memaklumkan Pelanggan tentang kegagalan tersebut.
- (v) Pembekalan BTB yang berterusan walaupun Pelanggan memungkiri Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini (samada Bank mengetahui kemungkinan tersebut atau tidak) tidak boleh dianggap sebagai pengenepian hak-hak Bank di bawah Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini.

#### k. Caj-caj, Terma-terma Tambahan, Penggantungan / Pembatalan BTB

- (i) Pelanggan bersetuju untuk membayar caj-caj (jika ada) untuk BTB seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif & Caj-caj Bank di laman web Bank di [www.hsbcamanah.com.my](http://www.hsbcamanah.com.my). Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan untuk caj-caj tersebut.
- Pelanggan mengakui bahawa caj-caj ini adalah tambahan kepada apa-apa caj lain yang terpakai untuk melaksanakan arahan-arahan yang diberikan melalui BTB.
- (ii) Pelanggan mengakui bahawa Pelanggan akan menanggung caj-caj telefon semasa menggunakan BTB.
- (iii) Bank merizabkan hak untuk memperkenalkan ciri-ciri baru untuk BTB tertakluk kepada terma terma tambahan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan.
- (iv) Bank boleh pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab, menggantung atau memberhentikan BTB dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

#### I. Kuasa dan Indemniti

- (i) Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk bertindak atas arahan-arahan bertulis mengenai pentadbiran BTB, apabila ditandatangani atau dikatakan ditandatangani oleh penandatangan (penandatangan) yang diberikuasa yang relevan. Arahan-arahan bertulis tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- membatalkan atau menggantikan mana-mana Wakil yang Diberikuasa;
  - menetapkan semula mana-mana PIN; atau
  - mengambil apa-apa tindakan untuk pelaksanaan BTB yang berterusan dan teratur.
- (ii) Jika arahan-arahan bertulis dihantar kepada Bank melalui transmisi faksimili, Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk bertindak ke atasnya tanpa kuasa atau pengesahan lanjutan daripada Pelanggan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga disebabkan oleh transmisi faksimili tersebut tidak diberikuasa atau palsu, dan Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap apa-apa tuntutan dan permintaan yang timbul daripadanya.
- (iii) Meskipun terdapat perenggan (I)(ii) di atas, Bank mempunyai hak untuk tidak bertindak ke atas apa-apa arahan bertulis yang diterima melalui transmisi faksimili. Bank bersetuju untuk menggunakan usaha-usaha yang munasabah untuk memaklumkan Pelanggan jika Bank tidak bertindak ke atas arahan-arahan faksimili tersebut.

- (iv) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan yang disebabkan oleh apa-apa penangguhan semasa melaksanakan arahan-arahan bertulis tersebut.

m. Penamatan

- (i) Bank atau Pelanggan boleh memberhentikan BTB untuk akaun(-akaun) Pelanggan dengan memberikan notis bertulis terdahulu sekurang-kurangnya 2 hari kepada pihak yang satu lagi.
- (ii) Bank atau Pelanggan boleh memberhentikan BTB untuk akaun(-akaun) Pelanggan dengan serta merta melalui notis bertulis kepada pihak yang satu lagi, jika pihak yang satu lagi telah memungkiri Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini secara material atau menjadi tidak solven di bawah undang-undang yang terpakai.
- (iii) Penamatan tidak akan menjelaskan:
- Hak-hak dan remedи-remedi yang terakru atau kewajipan-kewajipan dan liabiliti-liabiliti yang belum dilaksanakan untuk kedua-dua pihak setakat tarikh penamatan;
  - Mana-mana bahagian Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini yang dimaksudkan atau diperlukan untuk terpakai walaupun selepas penamatan.

n. Agensi dan Notis-notis

- (i) Bank merizabkan hak untuk melantik agen(-agen) untuk memperuntukkan semua atau sebahagian daripada BTB, dan rujukan-rujukan kepada Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini kepada "**Bank**" merangkumi agen(-agen) tersebut termasuk klausa-klausa penghadan liabiliti.
- (ii) Semua notis dan komunikasi di bawah Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini:
- Daripada Bank kepada Pelanggan; atau
  - Daripada Pelanggan kepada Bank;
- akan mengikut bentuk dan cara penghantaran yang dinyatakan dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik tersebut.

o. Konflik & Aturan Kedahuluan

Pengunaan BTB adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:

- (i) Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini; dan
- (ii) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk akaun tersebut.

## 10. eBayaran Berkanun ("eStatutory Payments") (ESP)

a. Definisi-definisi

- (i) "**Bayaran Pukal**" ("**Bulk Payments**") bermaksud bayaran pelbagai melalui arahan tunggal berkenaan dengan sumbangan-sumbangan berkanun atau potongan-potongan gaji atau upah pekerja-pekerja Pelanggan yang kena dibayar kepada Badan Berkanun.
- (ii) "**Akaun Pungutan**" bermaksud akaun (akaun-akaun) tertentu Badan Berkanun yang relevan dengan Bank khusus bagi mengkreditkan Bayaran Pukal di bawah ESP.
- (iii) "**E-mel Enkripsi**" bermaksud mel elektronik enkripsi yang dihantar dan/atau diterima melalui laman web internet khusus yang dihoskan pada server entiti kumpulan HSBC yang terletak sama ada dalam atau di luar Malaysia.
- (iv) "**ESP**" (atau "**eBayaran Berkanun**") bermaksud satu perkhidmatan melaksanakan arahan Pelanggan yang diterima oleh Bank melalui E-mel Enkripsi untuk membuat atau memindahkan Bayaran Pukal bagi pihak Pelanggan kepada Badan Berkanun tertentu.
- (v) "**Akaun Yang Dicalonkan**" bermaksud akaun khas Pelanggan dengan Bank untuk mendebitkan Bayaran Pukal di bawah ESP.
- (vi) "**Pengguna Yang Dicalonkan**" bermaksud mana-mana individu yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menyerahkan atau memberi arahan Bayaran Pukal kepada

- Bank melalui E-mel Enkripsi bagi tujuan ESP.
- (vii) “**Kata Laluan**” bermaksud kata laluan yang digunakan oleh Pengguna yang Dicalonkan untuk mengakses Enkripsi E-mel.
- (viii) “**Badan Berkanun**” bermaksud badan kerajaan atau pihak berkuasa tertentu yang ditubuhkan atau dibentuk sebagai satu badan korporat di bawah kanun atau undang-undang tertentu.
- (ix) “**Individu Yang Tidak Diberikuasa**” bermaksud individu-individu lain selain daripada Pengguna Yang Dicalonkan.
- b. Semua Pengguna Yang Dicalonkan merupakan wakil kepada Pelanggan semasa menggunakan ESP dan Pelanggan akan memastikan bahawa setiap Pengguna Yang Dicalonkan mempunyai pengetahuan dan mematuhi segala Terma-terma dan Syarat-syarat ESP ini.
- c. Arahan untuk Bayaran Pukal akan dihantar oleh Pengguna Yang Dicalonkan kepada Bank melalui ESP. Bank akan mendebit sejumlah wang daripada Akaun Yang Dicalonkan seperti yang diperuntukkan di dalam arahan Bayaran Pukal dan dikreditkan ke dalam Akaun Pungutan pada hari perbankan yang sama atas syarat bahawa arahan untuk Bayaran Pukal diterima dengan teratur dan mengikut kepuasan pihak Bank mengikut takat waktu harian (*daily cut-off time*).
- Pelanggan dan setiap Pengguna Yang Dicalonkan mesti mematuhi kepada takat waktu yang terpakai sebagaimana yang dinyatakan oleh bank dari masa ke semasa. Mana-mana arahan Bayaran Pukal yang diterima selepas takat waktu yang terpakai hanya akan diproses pada hari perbankan berikutnya.
- “**Hari Perbankan**” adalah merujuk kepada mana-mana hari selain dari hari Sabtu, Ahad, cuti kebangsaan dan negeri dan cuti Bank yang terpakai di Kuala Lumpur iaitu cawangan utama Bank di No. 2, Lebuh Ampang, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia yang dibuka untuk perniagaan. Semua rujukan kepada waktu dan tarikh yang dinyatakan di dalam E-mel Enkripsi adalah merujuk kepada waktu dan tarikh di Malaysia melainkan dinyatakan secara khusus oleh Bank.
- d. Pelangan dan setiap Pengguna Yang Dicalonkan bersetuju dengan penggunaan E-mel Enkripsi dan akur dengan servers yang terletak di luar Malaysia.
- e. Pelangan bersetuju untuk memastikan bahawa akses Pengguna Yang Dicalonkan ke ESP melalui komputer yang dikemaskini dengan perisian anti-virus dan anti-spyware, dan Pengguna Yang Dicalonkan menyimpan Kata Laluan dengan selamat pada setiap masa dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan teliti bagi mengelakkan apa-apa akses oleh mana-mana Individu Yang Tidak Diberikuasa.
- f. Pelanggan boleh menamatkan penggunaan ESP dengan memberikan notis pendahuluan bertulis selama 30 hari kepada Bank.
- g. Pelangan dan Pengguna Yang Dicalonkan mesti mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat ESP ini dan arahan-arahan Bank dan / atau prosedur-prosedur bagi penggunaan ESP, dan jika gagal berbuat demikian, Bank hendaklah:-
- (i) tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau Pengguna Yang Dicalonkan; dan
  - (ii) berhak untuk menggantungkan atau menamatkan penggunaan ESP.
- h. Pelangan mengakui bahawa ESP boleh diakses melalui internet iaitu satu sistem umum di mana Bank tiada kuasa mengawal, dan tiada jaminan diberikan oleh Bank atau mana-mana entiti di bawah kumpulan HSBC bahawa ESP adalah bebas daripada virus-virus komputer yang akan memberi kesan kepada perkakasan atau perisian yang digunakan oleh Pelanggan dan / atau Pengguna Yang Dicalonkan.
- i. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan dan/atau Pengguna Yang Dicalonkan berkaitan dengan penggunaan ESP atas apa-apa alasan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada:-
- (i) arahan Bayaran Pukal yang tidak sah, tidak lengkap, tidak diberikuasa atau penipuan;
  - (ii) kehilangan atau kemusnahan data, perisian, perkakasan, rangkaian komputer, telekomunikasi atau apa-apa peralatan;
  - (iii) ketidak-sediaan, kelewatan atau gangguan ke atas ESP disebabkan oleh apa-apa keadaan yang diluar kawalan Bank, seperti hilang kuasa, kerosakan atau ketidak-fungsian

- peralatan, kemudahan-kemudahan, sistem-sistem komputer, sistem pemprosesan data, telekomunikasi atau data rangkaian komunikasi, jaluran terminal sambungan atau jaluran penghantaran; atau
- (iv) kerosakan-kerosakan sampingan, tidak langsung, khusus, berterusan atau kerosakan teladan; atau apa-apa kerugian kepenggunaan, hasil, keuntungan atau simpanan.
- j. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos-kos dan perbelanjaan apa-apa sahaja yang ditanggung, dialami atau berlaku kepada Bank akibat daripada pembekalan ESP. Jaminan gantirugi ini adalah berterusan tanpa mengambil kira penamatkan penggunaan ESP dan/atau penutupan akaun.
- k. Pelanggan bersetuju untuk memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Bank dari masa ke semasa bagi tujuan ESP.
- l. Pelanggan bersetuju untuk memaklumkan Bank dengan segera secara bertulis untuk menamatkan akses ESP oleh Pengguna Yang Dicalonkan apabila:-
- (i) Pelanggan mengesyaki apa-apa kejanggalan dari pihak Pengguna Yang Dicalonkan; atau
- (ii) Pengguna Yang Dicalonkan berhenti menjadi wakil kepada Pelanggan.
- m. Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak mempunyai obligasi untuk menentusahkan identiti individu yang menghantar arahan Bayaran Pukal melalui ESP selain daripada memastikan bahawa ianya dihantar dari alamat surat-menyrat elektronik yang betul (dinyatakan di dalam borang permohonan ESP atau borang pindaan atau seperti yang dikemaskinikan oleh Pelanggan dari masa ke semasa).
- n. Pihak Bank boleh pada bila-bila masa menarik balik, menggantungkan, atau membatalkan ESP dengan memberikan notis awal yang munasabah dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kemasuhan yang dialami oleh Pelanggan.
- o. Jika berlakunya mana-mana perkara yang berikut di bawah, Bank berhak untuk menamatkan ESP dengan serta-merta dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kemasuhan yang dialami oleh Pelanggan:-
- (i) apa-apa petisyen yang dibuat atau perintah oleh mahkamah atau resolusi yang diluluskan untuk kebankrapan, penggulungan atau pembubaran atau perlantikan pelikuidasi, penerima, pengurus, pemegang amanah, atau pegawai rasmi yang sama (*similar official*) ke atas Pelanggan; atau
- (ii) apa-apa distress atau perlaksanaan dilaksanakan ke atas mana-mana aset Pelanggan; atau
- (iii) Akaun Yang Dicalonkan digantung atau ditutup; atau
- (iv) Akaun Pungutan digantung atau ditutup.
- p. Bank adalah berhak untuk memperkenalkan ciri-ciri terbaru ESP tertakluk kepada terma-terma tambahan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan.
- q. Sebagai tambahan ke atas apa yang telah dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Am di bawah klausula "Notis-notis", notis-notis kepada Pelanggan di bawah Terma-terma dan Syarat syarat ESP ini boleh diberikan oleh Bank secara elektronik atau melalui ESP, dan akan dianggap telah diterima secara serta merta selepas transmisi kepada nombor faksimili, nombor telek, alamat e-mel atau nombor telefon bimbit terakhir Pelanggan yang dimaklumkan secara bertulis kepada Bank.
- r. Bank dan Pelanggan bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang perlindungan data dan undang-undang bagi tujuan-tujuan serupa yang lain yang terpakai dalam semua bidangkuasa yang relevan. Pelanggan mengakui bahawa adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk mendapatkan satu persetujuan bertulis yang wajar daripada pekerja-pekerja dan individu-individu lain sebelum data peribadi dan / atau data-data lainnya dihantar, diproses atau dikendalikan melalui ESP. Pelanggan bersetuju untuk memberikan salinan-salinan persetujuan tersebut kepada Bank jika diminta.
- Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Kumpulan HSBC terhadap segala kos, penalti, kerosakan dan kerugian-kerugian lain yang tertanggung akibat dari kemungkiran Pelanggan dalam mematuhi peruntukan ini. Jaminan gantirugi ini akan berterusan tanpa mengambil kira penamatkan ESP dan / atau penutupan akaun.
- s. Penggunaan ESP adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma

dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:

- (i) Terma-terma & Syarat-syarat ESP ini; dan
- (ii) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk akaun tersebut.